



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2010

**PELAKSANAAN MODUL PENAMATAN PERKHIDMATAN -
URUSAN PERSARAAN KERANA MENCAPAI UMUR 55/56/58 TAHUN,
URUSAN PERSARAAN PILIHAN DAN FUNGSI KEMATIAN DALAM
PERKHIDMATAN**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan Modul Penamatan Perkhidmatan, Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) khusus untuk penghantaran maklumat asas bakal pesara, permohonan percantuman perkhidmatan lepas, urusan persaraan kerana mencapai umur 55, 56 atau 58 tahun, urusan persaraan pilihan dan urusan merekodkan maklumat kematian bagi anggota berpencen di semua agensi sektor awam serta memberi penerangan mengenai tindakan yang perlu diambil mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 Tahun 2005 (PP Bil. 12/2005).

TAKRIF

2. Dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini -

“**anggota**” ertinya **pegawai** perkhidmatan awam Persekutuan atau Negeri atau **pekerja** Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan;

“**anggota berpencen**” ertinya -

(a) seseorang pegawai yang telah diberi taraf sebagai seorang **pegawai berpencen** di bawah seksyen 7 atau yang disifatkan sebagai seorang pegawai berpencen di bawah subseksyen 6A(6C) atau seksyen 8 Akta Pencen 1980 [*Akta 227*]; atau

(b) seseorang pekerja yang telah diberi taraf **berpencen** di bawah seksyen 6 atau yang disifatkan sebagai telah diberi taraf berpencen di bawah subseksyen 6A(6C) atau seksyen 7 Akta Pencen Pihak–Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [*Akta 239*];

“**integrasi**” ertinya mekanisme perkongsian maklumat antara dua sistem aplikasi yang berbeza supaya proses dan urusan di kedua-dua aplikasi itu dapat diteruskan dengan lancar dan lengkap;

“**maklumat asas bakal pesara**” ertinya maklumat peribadi dan perkhidmatan anggota berpencen yang perlu dikemukakan oleh agensi ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) 2 tahun sebelum tahun persaraan kerana mencapai umur 55, 56 atau 58 tahun;

“**Modul Penamatan Perkhidmatan**” ertinya salah satu modul dalam HRMIS yang menguruskan peralihan keluar pegawai dari perkhidmatan kerajaan melalui persaraan kerana mencapai umur 55, 56 atau 58 tahun, persaraan pilihan, peletakan jawatan, kematian, buang kerja dan sebagainya dan juga proses bagi pegawai menyediakan nota serah tugas dan ditemu duga sebelum meninggalkan perkhidmatan;

“**Penamatan Perkhidmatan Paksa**” ertinya salah satu daripada tujuh (7) fungsi yang terdapat dalam Modul Penamatan Perkhidmatan yang melaksanakan urusan peralihan keluar pegawai sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran 4 ruang (3) **Lampiran I**;

“**Penamatan Perkhidmatan Sukarela**” ertinya salah satu daripada tujuh (7) fungsi dalam Modul Penamatan Perkhidmatan yang melaksanakan urusan peralihan keluar pegawai sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran 3 ruang (3) **Lampiran I**;

“Permohonan Percantuman Perkhidmatan Lepas” ertinya proses permohonan mengagregatkan tempoh perkhidmatan sekarang dengan tempoh perkhidmatan lepas dalam perkhidmatan Angkatan Tentera bagi membolehkan keseluruhan tempoh perkhidmatan tersebut diambil kira untuk tujuan faedah persaraan atau faedah terbitan di bawah undang-undang pencen.

LATAR BELAKANG

3. Modul Penamatan Perkhidmatan adalah salah satu daripada 14 modul yang telah dibangunkan di dalam HRMIS. Pelaksanaan modul ini akan membantu pengurus sumber manusia dalam urusan peralihan keluar pegawai dan memberikan maklumat kepada Kerajaan untuk menilai *trend* dan pola penamatan perkhidmatan dalam sektor awam.

4. Terdapat tujuh (7) fungsi yang telah dibangunkan dalam modul ini iaitu Maklumat Asas Bakal Pesara, Percantuman Perkhidmatan Lepas, Penamatan Perkhidmatan Sukarela, Penamatan Perkhidmatan Paksa, Kematian Dalam Perkhidmatan, Penswastan dan Melaksanakan Penamatan Perkhidmatan. Senarai ketujuh-tujuh fungsi dan urusan yang dibangunkan dalam modul ini adalah seperti di **Lampiran I**.

5. Selaras dengan usaha untuk mewujudkan pengurusan sumber manusia yang lebih efisien, proses penamatan perkhidmatan seseorang anggota hendaklah dibuat secara dalam talian menggunakan HRMIS.

DASAR PELAKSANAAN

6. Fungsi dan urusan yang dilaksanakan ini telah dibangunkan berasaskan kepada dasar dan peraturan perkhidmatan awam dan pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang sedang berkuat kuasa. Oleh itu anggota berpencen adalah tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

7. Aliran proses yang dibangunkan dalam modul ini adalah menjadi **prosedur standard** untuk dilaksanakan oleh semua agensi sektor awam. Pelaksanaan modul ini melibatkan peralihan dari amalan semasa kepada aplikasi HRMIS.

8. Maklumat yang dijana melalui pelaksanaan modul ini akan digunakan sebagai maklumat rasmi kerajaan dalam urusan sumber manusia sektor awam seperti perancangan sumber manusia dan unjuran kewangan. Justeru, adalah penting pegawai yang diberi peranan mengesahkan maklumat persaraan melaksanakan tanggungjawab ini dengan sebaik-baiknya bagi memastikan maklumat berkaitan sah dan tepat.

PELAKSANAAN

Skop Pelaksanaan

9. Bagi maksud Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, pelaksanaan hanya melibatkan urusan peralihan keluar seseorang anggota berpencen disebabkan oleh persaraan kerana mencapai umur 55, 56 atau 58 tahun; persaraan pilihan, kematian dalam perkhidmatan, fungsi melaksanakan penamatan perkhidmatan serta urusan pra persaraan iaitu proses penghantaran maklumat asas bakal pesara dan permohonan percantuman perkhidmatan lepas.

Persediaan Pelaksanaan

10. Agensi hendaklah mengambil tindakan awal sebelum modul ini dilaksanakan dengan memastikan data yang menyokong pelaksanaannya telah lengkap dan kemas kini seperti yang dinyatakan dalam Panduan Pelaksanaan Modul Penamatan Perkhidmatan.

11. Agensi perlu juga mengambil tindakan berikut:

- a) Pasukan Petugas Pelaksanaan yang ditubuhkan oleh agensi, sepertimana yang ditetapkan dalam Buku Pengenalan dan Mekanisme Pelaksanaan HRMIS yang dilampirkan bersama PP Bil. 12/2005, hendaklah melibatkan pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan penamatan perkhidmatan; dan
- b) membuat penyesuaian tugas dalam fail meja pegawai mengikut peranan dan tanggungjawab pelaksanaan HRMIS.

Panduan Pelaksanaan

12. Pelaksanaan urusan ini adalah dibuat mengikut **Panduan Pelaksanaan Modul Penamatan Perkhidmatan** yang boleh dimuat turun dari portal rasmi JPA (www.jpa.gov.my).

13. Proses kerja bagi urusan penghantaran maklumat asas bakal pesara, permohonan percantuman perkhidmatan lepas, persaraan kerana mencapai umur 55, 56 atau 58 tahun; permohonan persaraan pilihan dan merekodkan maklumat kematian adalah seperti di **Lampiran II**. Segala urusan yang dibuat melalui integrasi HRMIS dan sistem *Pension Online Workflow Environment* (POWER) hendaklah menggunakan borang dan dokumen yang dinyatakan dalam proses kerja tersebut.

Pemantauan Pelaksanaan

14. Perancangan dan pelaksanaan urusan penghantaran maklumat asas bakal pesara, permohonan percantuman perkhidmatan lepas, persaraan kerana mencapai umur 55, 56 atau 58 tahun; permohonan persaraan pilihan dan merekodkan maklumat kematian bagi anggota berpencen di agensi akan dipantau oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

PERTANYAAN

15. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling Perkhidmatan ini boleh dirujuk kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pengurusan Maklumat,
Bangunan MKN-Embassy Techzone,
Aras 3, Blok A, No. 3200, Jalan Teknokrat 2,
63000 Cyberjaya, Sepang,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Telefon : 03 - 8321 1400
Faks : 03 - 8320 1969
E-mel : hrmis_helpdesk@jpa.gov.my
Laman Web : <http://www.jpa.gov.my>

TARIKH KUAT KUASA

16. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

17. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

Tarikh : 01 April 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

FUNGSI DAN URUSAN MODUL PENAMATAN PERKHIDMATAN

(1) BIL.	(2) FUNGSI	(3) URUSAN
1.	Maklumat Asas Bakal Pesara	Penghantaran maklumat asas bakal pesara
2.	Percantuman Perkhidmatan Lepas	Permohonan percantuman perkhidmatan lepas
3.	Penamatan Perkhidmatan Sukarela	<ul style="list-style-type: none"> i. Permohonan persaraan pilihan ii. Permohonan penamatan kontrak iii. Permohonan peletakan jawatan
4.	Penamatan Perkhidmatan Paksa	<ul style="list-style-type: none"> i. Persaraan kerana mencapai umur 55/56/58 tahun ii. Persaraan atas sebab kesihatan iii. Persaraan kerana jawatan yang dipegang dihapuskan iv. Persaraan atas sebab penyusunan semula organisasi v. Persaraan atas alasan pekerjaan anggota telah ditamatkan demi kepentingan awam vi. Persaraan atas alasan memperoleh kewarganegaraan asing (berkuat kuasa bagi lantikan baru pada atau selepas 16.5.1986) vii. Persaraan atas alasan memberi maklumat palsu bagi maksud pelantikan ke dalam perkhidmatan Kerajaan (berkuat kuasa bagi lantikan baru pada atau selepas 12.4.1991) viii. Persaraan atas alasan kepentingan negara ix. Persaraan demi kepentingan Perkhidmatan Awam x. Persaraan setelah dilantik untuk berkhidmat dalam pertubuhan perniagaan atau pertubuhan antarabangsa xi. Dibuang kerja xii. Ditamatkan kontrak
5.	Kematian Dalam Perkhidmatan	Merekodkan maklumat kematian
6.	Penswastaan	Merekodkan keputusan penswastaan dan tawaran opsyen
7.	Melaksanakan Penamatan Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengemaskinian maklumat persaraan ii. Penghantaran Nota Serah Tugas iii. Pengesahan sumber logistik iv. Penyediaan surat akuan v. Pemilihan temu duga penamatan perkhidmatan

PROSES KERJA

1. Urusan Penghantaran Maklumat Asas Bakal Pesara

BIL	TEMPOH	AKTIVITI	TINDAKAN	PERANAN DALAM HRMIS
1.	Selewat-lewatnya dua (2) tahun sebelum tarikh persaraan	i. Memilih anggota yang akan bersara mengikut bulan persaraan	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		ii. Memapar dan menyemak maklumat bakal pesara Sekiranya terdapat perubahan maklumat, sila kemas kini di modul berkaitan	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan Pentadbir modul berkaitan
		iii. Menghantar maklumat asas bakal pesara ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA melalui integrasi HRMIS – POWER	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		iv. Mencetak borang Urusan Maklumat Asas Bakal Pesara Melalui Aplikasi HRMIS (JPA.BP.HRMIS03)	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		v. Menghantar borang JPA.BP.HRMIS03 yang telah dicetak berserta dengan dokumen sokongan ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan

2. Urusan Permohonan Percantuman Perkhidmatan Lepas

BIL	TEMPOH	AKTIVITI	TINDAKAN	PERANAN DALAM HRMIS
1.	Selewat-lewatnya dua (2) tahun sebelum tarikh persaraan	i. Memohon percantuman perkhidmatan lepas melalui HRMIS	Anggota / Pengurus Sumber Manusia	Pemilik Kompetensi / Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		ii. Memperakukan permohonan percantuman perkhidmatan lepas	Pengurus Sumber Manusia	Pengesah Penamatan Perkhidmatan
		iii. Menghantar maklumat permohonan percantuman perkhidmatan lepas ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA melalui integrasi HRMIS – POWER	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		iv. Mencetak dan melengkapkan borang Urusan Percantuman Perkhidmatan Lepas Melalui Aplikasi HRMIS (JPA.BP.HRMIS04)	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		v. Menghantar borang JPA.BP.HRMIS04 yang telah dicetak berserta dengan dokumen sokongan ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
2.	Tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	i. Meluluskan permohonan percantuman perkhidmatan lepas melalui sistem POWER oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	Pihak Melulus Penamatan Perkhidmatan
		ii. Melaksanakan penghantaran maklumat kelulusan permohonan percantuman perkhidmatan lepas melalui integrasi POWER – HRMIS Nota : <i>Hardcopy</i> penyata kelulusan permohonan percantuman perkhidmatan lepas akan dihantar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA kepada bakal pesara dan agensi	Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	Pihak Melulus Penamatan Perkhidmatan

BIL	TEMPOH	AKTIVITI	TINDAKAN	PERANAN DALAM HRMIS
3.	Tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	i. Melaksanakan penerimaan maklumat kelulusan permohonan percantuman perkhidmatan lepas melalui integrasi POWER – HRMIS	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Integrasi (Penamatan Perkhidmatan)
		ii. Memapar maklumat kelulusan permohonan percantuman perkhidmatan lepas	Anggota / Pengurus Sumber Manusia	Pemilik Kompetensi / Pentadbir Penamatan Perkhidmatan

3. Urusan Persaraan Kerana Mencapai Umur 55/56/58 Tahun

BIL	TEMPOH	AKTIVITI	TINDAKAN	PERANAN DALAM HRMIS
1.	Sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tarikh persaraan	i. Mula mencapai Menu Modul Penamatan Perkhidmatan dalam HRMIS	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		ii. Mengenal pasti anggota yang akan bersara dalam tempoh 6 bulan sebelum mencapai umur 55/56/58 tahun dan memberitahu anggota berkenaan	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		iii. Mengesahkan anggota yang akan bersara	Pengurus Sumber Manusia	Pengesah Penamatan Perkhidmatan
		iv. Mengemas kini maklumat alamat selepas bersara dan akaun bank	Anggota / Pengurus Sumber Manusia	Pemilik Kompetensi / Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		v. Mengesahkan maklumat alamat selepas bersara dan akaun bank	Pengurus Sumber Manusia	Pengesah Penamatan Perkhidmatan
		vi. Mencetak surat ke Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP) melalui HRMIS dan menghantarnya ke agensi tersebut	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		vii. Merekodkan maklumat hutang setelah menerima penyata daripada LHDN dan BPP Sekiranya tiada maklumat hutang diterima dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh bersara, terus ke aktiviti berikutnya	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan

BIL	TEMPOH	AKTIVITI	TINDAKAN	PERANAN DALAM HRMIS
2.	Tiga (3) bulan sebelum tarikh persaraan	i. Memapar dan menyemak maklumat bakal pesara Sekiranya terdapat perubahan maklumat, sila kemas kini di modul berkaitan	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan Pentadbir modul berkaitan
		ii. Menghantar maklumat bakal pesara ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA melalui integrasi HRMIS – POWER	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		iii. Mencetak dan melengkapkan borang Urusan Persaraan Dan Pencen Melalui Aplikasi HRMIS (JPA.BP.HRMIS01)	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		iv. Menghantar borang JPA.BP.HRMIS01 yang telah dicetak berserta dengan dokumen sokongan ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
3.	Dua (2) bulan selepas dokumen lengkap diterima oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	i. Meluluskan faedah persaraan melalui sistem POWER oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	Pihak Melulus Penamatan Perkhidmatan
		ii. Melaksanakan penghantaran maklumat kelulusan faedah persaraan melalui integrasi POWER – HRMIS Nota : <i>Hardcopy</i> penyata kelulusan faedah persaraan akan dihantar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA kepada anggota dan agensi	Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	Pihak Melulus Penamatan Perkhidmatan
4.	Dua (2) bulan selepas dokumen lengkap diterima oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	i. Melaksanakan penerimaan maklumat kelulusan faedah persaraan melalui integrasi POWER – HRMIS	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Integrasi (Penamatan Perkhidmatan)
		ii. Memapar maklumat kelulusan faedah persaraan	Anggota / Pengurus Sumber Manusia	Pemilik Kompetensi / Pentadbir Penamatan Perkhidmatan

4. Urusan Permohonan Persaraan Pilihan

BIL	TEMPOH	AKTIVITI	TINDAKAN	PERANAN DALAM HRMIS
1.	Sekurang - kurangnya enam (6) bulan sebelum tarikh persaraan pilihan	i. Memohon bersara pilihan melalui HRMIS	Anggota	Pemilik Kompetensi
		ii. Mengesah permohonan yang dibuat oleh anggota	Pengurus Sumber Manusia	Pengesah Penamatan Perkhidmatan
		iii. Menyemak sama ada anggota masih terikat dengan ikatan kontrak biasiswa /pinjaman pengajian dan merekodkannya dalam HRMIS	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Ikatan
		iv. Memperakukan/tidak memperakukan permohonan anggota Permohonan yang diperakukan bagi : a) Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, terus ke aktiviti v dan seterusnya b) Selain pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, terus ke aktiviti vi dan seterusnya	Pengurus Sumber Manusia	Pihak Memperaku Penamatan Perkhidmatan
		Nota : Permohonan yang tidak diperakukan bagi semua jenis perkhidmatan, hantar permohonan kepada Pihak Berkuasa Melulus secara <i>offline</i> . Keputusan Pihak Berkuasa Melulus perlu dihantar kepada anggota dan agensi serta mengambil tindakan berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Tidak diluluskan - tiada maklumat yang perlu direkodkan dalam HRMIS • Diluluskan - maklumat kelulusan perlu direkodkan dalam HRMIS bagi tujuan memutuskan sandangan anggota 	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbiran Penamatan Perkhidmatan

BIL	TEMPOH	AKTIVITI	TINDAKAN	PERANAN DALAM HRMIS
		v. Meluluskan permohonan persaraan pilihan pegawai Perkhidmatan Awam Negeri	Pihak Berkuasa Melulus	Pihak Melulus Penamatan Perkhidmatan
		vi. Mengemas kini maklumat alamat selepas bersara dan akaun bank	Anggota / Pengurus Sumber Manusia	Pemilik Kompetensi / Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		vii. Mengesahkan maklumat alamat selepas bersara dan akaun bank	Pengurus Sumber Manusia	Pengesah Penamatan Perkhidmatan
		viii. Mencetak surat ke Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP) melalui HRMIS dan menghantarnya ke agensi tersebut	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		ix. Merekodkan maklumat hutang setelah menerima penyata daripada LHDN dan BPP Sekiranya tiada maklumat hutang diterima dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh bersara, terus ke aktiviti berikutnya	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
2.	Tidak lewat dari tiga (3) bulan sebelum tarikh persaraan yang dipohon	i. Memapar dan menyemak maklumat bakal pesara Sekiranya terdapat perubahan maklumat, sila kemas kini di modul berkaitan	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan Pentadbir modul berkaitan
		ii. Menghantar maklumat bakal pesara ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA melalui integrasi HRMIS – POWER	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		iii. Mencetak dan melengkapkan borang Urusan Persaraan Dan Pencen Melalui Aplikasi HRMIS (JPA.BP.HRMIS01)	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan

BIL	TEMPOH	AKTIVITI	TINDAKAN	PERANAN DALAM HRMIS
		iv. Menghantar borang JPA.BP.HRMIS01 yang telah dicetak berserta dengan dokumen sokongan ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
3.	Tiga (3) hari bekerja selepas data dan dokumen lengkap diterima	i. Meluluskan persaraan pilihan ii. Melaksanakan penghantaran maklumat kelulusan persaraan pilihan melalui integrasi POWER – HRMIS Nota : <i>Hardcopy</i> kelulusan persaraan akan dihantar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA kepada bakal pesara dan agensi	Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	Pihak Melulus Penamatan Perkhidmatan
		iii. Melaksanakan penerimaan maklumat kelulusan persaraan pilihan melalui integrasi POWER – HRMIS di agensi	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Integrasi (Penamatan Perkhidmatan)
4.	Dua (2) bulan selepas dokumen lengkap diterima oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	i. Meluluskan faedah persaraan melalui sistem POWER oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA ii. Melaksanakan penghantaran maklumat kelulusan faedah persaraan melalui integrasi POWER – HRMIS Nota : <i>Hardcopy</i> penyata kelulusan faedah persaraan akan dihantar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA kepada bakal pesara dan agensi	Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	Pihak Melulus Penamatan Perkhidmatan
			Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	Pihak Melulus Penamatan Perkhidmatan
5.	Dua (2) bulan selepas dokumen lengkap diterima oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	i. Melaksanakan penerimaan maklumat kelulusan faedah persaraan melalui integrasi POWER – HRMIS ii. Memapar maklumat kelulusan faedah persaraan	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Integrasi (Penamatan Perkhidmatan)
			Anggota / Pengurus Sumber Manusia	Pemilik Kompetensi / Pentadbir Penamatan Perkhidmatan

5. Urusan Merekodkan Maklumat Kematian

BIL	TEMPOH	AKTIVITI	TINDAKAN	PERANAN DALAM HRMIS
1.	Selewat-lewatnya lima (5) hari selepas tarikh kematian anggota	i. Merekodkan maklumat kematian dalam HRMIS	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		ii. Mengesahkan maklumat kematian	Pengurus Sumber Manusia	Pengesah Penamatan Perkhidmatan
		iii. Mengemas kini maklumat alamat dan akaun bank orang tanggungan yang layak faedah terbitan	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		iv. Mengesah maklumat alamat dan akaun bank orang tanggungan yang layak faedah terbitan	Pengurus Sumber Manusia	Pengesah Penamatan Perkhidmatan
		v. Mencetak surat ke LHDN dan Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP) melalui HRMIS dan menghantarnya ke agensi tersebut	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		vi. Memapar dan menyemak maklumat gemulah dan orang tanggungan yang layak faedah terbitan Sekiranya terdapat perubahan maklumat, sila kemas kini di modul berkaitan	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan Pentadbir modul berkaitan
		vii. Menghantar maklumat gemulah dan orang tanggungan yang layak faedah terbitan ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA melalui integrasi HRMIS – POWER	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
		vi. Mencetak dan melengkapkan borang Urusan Faedah Terbitan Bagi Kematian Dalam Perkhidmatan Melalui Aplikasi HRMIS (JPA.BP.HRMIS02)	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan

BIL	TEMPOH	AKTIVITI	TINDAKAN	PERANAN DALAM HRMIS
		vii. Menghantar borang JPA.BP.HRMIS02 berserta dengan dokumen sokongan ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan
2.	Selewat-lewatnya lima (5) hari selepas dokumen lengkap diterima oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	i. Meluluskan faedah terbitan melalui sistem POWER oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	Pihak Melulus Penamatan Perkhidmatan
		ii. Melaksanakan penghantaran maklumat kelulusan faedah terbitan melalui integrasi POWER – HRMIS Nota : <i>Hardcopy</i> penyata kelulusan faedah terbitan akan dihantar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA kepada orang tanggungan yang layak faedah terbitan dan agensi	Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA	Pihak Melulus Penamatan Perkhidmatan
		iii. Melaksanakan penerimaan maklumat kelulusan faedah terbitan melalui integrasi POWER – HRMIS	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Integrasi (Penamatan Perkhidmatan)
		iv. Memapar maklumat kelulusan faedah terbitan	Pengurus Sumber Manusia	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan



PANDUAN PELAKSANAAN



SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA
(*HUMAN RESOURCE MANAGEMENT
INFORMATION SYSTEM*)

MODUL PENAMATAN PERKHIDMATAN



Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

April 2010 : Versi F1.0

PANDUAN PELAKSANAAN



MODUL PENAMATAN PERKHIDMATAN

**Bahagian Pengurusan Maklumat
Jabatan Perkhidmatan Awam
Malaysia**




PRAKATA

Salah satu strategi pengurusan sumber manusia dalam perkhidmatan awam hari ini secara langsung memerlukan setiap penjawat awam membuat perubahan minda dan cara bekerja. Antara yang paling ketara ialah perubahan yang berlaku hasil pelaksanaan ICT dalam sektor awam. Penjawat awam kini telah menerima hakikat bahawa kemudahan ICT adalah merupakan *enabler* kepada penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. Walau bagaimanapun mereka perlu melalui proses pembelajaran dan latihan serta komitmen yang tinggi untuk menggunakan sistem yang disediakan.

Sehingga kini, impak kebanyakan aplikasi ICT sedia ada dalam bidang pengurusan sumber manusia sektor awam tidak menyeluruh kepada semua penjawat awam. Di sinilah terletaknya keistimewaan aplikasi HRMIS yang mana penggunaannya melibatkan semua penjawat awam serta keseluruhan aspek pengurusan sumber manusia. HRMIS menyediakan fungsi layan diri yang membolehkan semua penjawat awam melakukan sendiri fungsi-fungsi seperti mengemas kini data peribadi, memohon untuk menghadiri program latihan, memohon menduduki penilaian tahap kecekapan, memohon cuti dan membuat tuntutan perjalanan. Pelaksanaan HRMIS dapat menyumbang ke arah membina persekitaran pembelajaran berterusan di kalangan warga perkhidmatan awam.

Panduan Pelaksanaan Modul Penamatan Perkhidmatan ini telah disediakan sebagai bahan rujukan utama agensi sektor awam yang menggunakan aplikasi HRMIS dalam proses pengurusan Penamatan Perkhidmatan di agensi masing-masing. Panduan ini menggariskan langkah-langkah dan tindakan asas yang perlu diambil oleh agensi sebelum dan semasa HRMIS dilaksanakan.

Dengan menggunakan modul ini agensi dapat menyediakan satu kemudahan yang penting bagi pegawai-pegawai dan pengurusan sumber manusia untuk menguruskan peralihan keluar penjawat awam dari sesebuah agensi. Di samping itu pengurusan sumber manusia turut dapat membuat penilaian mengenai trend penamatan perkhidmatan sektor awam. Sukacita saya menyarankan agar agensi dapat memanfaatkan panduan ini sewajarnya bagi membantu pelaksanaan modul ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ismail Adam'.

TAN SRI ISMAIL ADAM
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

01 April 2010

KANDUNGAN

PRAKATA	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI LAMPIRAN	iv
TUJUAN	1
ISTILAH	1
LATAR BELAKANG	3
SENARAI FUNGSI DALAM MODUL PENAMATAN PERKHIDMATAN	5
PERANAN-PERANAN DALAM MODUL PENAMATAN PERKHIDMATAN ...	11
ALIRAN PROSES MODUL PENAMATAN PERKHIDMATAN	14
TANGGUNGJAWAB PENTADBIR PENAMATAN PERKHIDMATAN	23
LANGKAH-LANGKAH MELAKSANAKAN MODUL	24
STRATEGI BAGI MELAKSANAKAN MODUL	26
PENUTUP	27

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran I : Keperluan Data Asas Modul Penamatan Perkhidmatan**
- Lampiran II : Aliran Proses Penggunaan Modul Penamatan Perkhidmatan**
- Lampiran III : Profil Pengguna Modul Penamatan Perkhidmatan**
- Lampiran IV : Profil Aliran Kerja Modul Penamatan Perkhidmatan**

**PANDUAN PELAKSANAAN
MODUL PENAMATAN
PERKHIDMATAN**

TUJUAN

1. Panduan ini bertujuan memberi penerangan mengenai langkah-langkah bagi melaksanakan Modul Penamatan Perkhidmatan, Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) khusus untuk penghantaran maklumat asas bakal pesara, permohonan percantuman perkhidmatan lepas, urusan persaraan kerana mencapai umur 55, 56 atau 58 tahun; urusan persaraan pilihan dan urusan merekodkan maklumat kematian bagi anggota berpencen di semua agensi sektor awam serta aliran proses secara dalam talian melalui aplikasi HRMIS.

ISTILAH

2. Istilah-istilah yang diguna pakai dalam panduan ini mempunyai maksud seperti berikut:

- (a) Pemilik Kompetensi : Penjawat awam.
- (b) Penamatan Perkhidmatan : Peralihan keluar Pemilik Kompetensi dari sektor awam secara menyeluruh atas pelbagai alasan.
- (c) Penamatan Perkhidmatan Paksa : Salah satu daripada 7 (tujuh) fungsi di dalam Modul Penamatan Perkhidmatan yang mengkategorikan urusan peralihan keluar seperti berikut:
 - (a) dibuang kerja;
 - (b) ditamatkan kontrak;
 - (c) persaraan paksa di bawah Seksyen 10(1) dan Seksyen 10(5) Akta 227 atau Akta 239;
 - (d) persaraan atas kehendak Kerajaan / Menteri di bawah Seksyen 11 Akta 227 / Akta 239; dan
 - (e) persaraan setelah dilantik untuk berkhidmat dalam pertubuhan di bawah Seksyen 12A di bawah Seksyen Akta 227 atau Seksyen 13 Akta 239.

- (d) Maklumat Asas Bakal Pesara : Maklumat peribadi dan perkhidmatan anggota berpencen yang perlu dihantar oleh agensi ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) sebelum tarikh persaraan.
- (e) Penamatan Perkhidmatan Sukarela : Salah satu daripada tujuh (7) fungsi di dalam Modul Penamatan Perkhidmatan yang mengkategorikan urusan peralihan keluar pegawai atas kehendaknya sendiri iaitu bersara pilihan di bawah Seksyen 12, Akta 227/ Akta 239, menamatkan kontrak atau meletakkan jawatan.
- (f) Percantuman Perkhidmatan Lepas : Proses permohonan mengagregatkan tempoh perkhidmatan sekarang dengan tempoh perkhidmatan lepas dalam perkhidmatan Angkatan Tentera bagi membolehkan keseluruhan tempoh perkhidmatan tersebut diambil kira untuk tujuan faedah persaraan atau faedah terbitan di bawah undang-undang pencen.
- (g) Pentadbir Penamatan Perkhidmatan : Pegawai yang bertanggungjawab menguruskan hal-hal yang berkaitan penamatan perkhidmatan seperti penyediaan maklumat persaraan, dokumen-dokumen dan laporan.
- (h) Pihak Memperaku Penamatan Perkhidmatan : Pihak berkuasa yang memperakukan penamatan perkhidmatan.
- (i) Pihak Melulus Penamatan Perkhidmatan : Pihak berkuasa yang meluluskan penamatan perkhidmatan.
- (j) Pentadbir Ikatan : Pegawai yang merekodkan status ikatan kontrak pembiayaan pengajian Pemilik Kompetensi.
- (k) Penemu Duga Penamatan perkhidmatan : Pegawai yang merekodkan maklumat temu duga penamatan perkhidmatan.
- (l) Penyelia : Pegawai yang menyelia Pemilik Kompetensi.

- (m) Pemberitahu Penamatan Perkhidmatan : Pegawai yang memberitahu Penamatan Perkhidmatan Paksa.
- (n) Pentadbir Sistem : Pegawai yang bertanggungjawab ke atas segala pentadbiran keselamatan sistem, data yang kemas kini dan memastikan peranan dan aliran kerja dikemas kini.
- (o) Integrasi : Mekanisme perkongsian maklumat antara dua sistem aplikasi yang berbeza supaya proses dan urusan di kedua-dua aplikasi dapat diteruskan dengan lancar dan lengkap.

LATAR BELAKANG


3. Modul Penamatan Perkhidmatan ini adalah satu mekanisme yang menyeluruh dalam menguruskan peralihan keluar pegawai dari sektor awam sama ada secara sukarela, paksa, penswastaaan dan kematian Pemilik Kompetensi dari sesebuah organisasi. Modul Penamatan Perkhidmatan dibangunkan bagi memudahkan urusan dibuat dengan lebih efisien dan efektif secara dalam talian dan menyediakan maklumat untuk menilai *trend* dan pola Penamatan perkhidmatan dalam sektor awam.

4. Modul ini memberi faedah kepada tiga kategori pengguna iaitu :

- a) **Individu** : Kemudahan '*One-stop centre*' bagi membolehkan Pemilik Kompetensi menyamak faedah persaraan dan memulakan proses permohonan persaraannya.
- b) **Pengurus Sumber Manusia** : Kemudahan bagi mengunjur bilangan penjawat awam yang akan tamat perkhidmatan dan seterusnya membantu dalam perancangan pengambilan dan penempatan penjawat awam ke jawatan yang dikosongkan.
- c) **Organisasi** : Memastikan kesinambungan melalui proses penyerahan tugas kepada pegawai yang mengisi jawatan yang dikosongkan akibat dari Penamatan perkhidmatan.

5. Modul Penamatan Perkhidmatan ini menerima maklumat dari modul/submodul lain dalam aplikasi HRMIS. Contohnya Modul Pengurusan Rekod Peribadi akan memberi maklumat peribadi Pemilik Kompetensi seperti maklumat bank, nombor ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan maklumat pasangan. Perkongsian maklumat antara modul dan submodul di dalam aplikasi HRMIS ditunjukkan dalam **Rajah I** dan maklumat data penting yang menyokong proses pelaksanaan Modul Penamatan Perkhidmatan seperti di **Lampiran I**.

Rajah I: Perkongsian Maklumat Dari Modul HRMIS



6. Urusan di dalam Modul Penamatan Perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada dasar dan peraturan perkhidmatan awam yang sedang berkuat kuasa

7. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan kerajaan elektronik, Modul Penamatan Perkhidmatan ini telah diintegrasikan dengan sistem POWER (*Pension Online Workflow Environment*) untuk memudah dan mempercepatkan lagi proses persaraan, faedah persaraan dan faedah terbitan.

SENARAI FUNGSI DALAM MODUL PENAMATAN PERKHIDMATAN

8. Tujuh (7) fungsi telah dibangunkan di dalam modul ini iaitu Maklumat Asas Bakal Pesara, Percantuman Perkhidmatan Lepas, Penamatan perkhidmatan Sukarela, Penamatan Perkhidmatan Paksa, Kematian Dalam Perkhidmatan, Penswastaan dan Melaksanakan Penamatan Perkhidmatan. Di samping itu, terdapat tiga (3) kemudahan lain yang disediakan iaitu kemudahan menjana laporan, borang pencen dan selenggara maklumat penamatan perkhidmatan.

9. Bagi maksud Panduan Pelaksanaan ini, pelaksanaan hanya melibatkan urusan peralihan keluar seseorang anggota berpencen disebabkan oleh persaraan kerana mencapai umur 55, 56 atau 58 tahun; persaraan pilihan, kematian dalam perkhidmatan, fungsi Melaksanakan Penamatan Perkhidmatan serta urusan prapersaraan iaitu proses penghantaran maklumat asas bakal pesara dan permohonan percantuman perkhidmatan lepas.

Fungsi Maklumat Asas Bakal Pesara

10. Fungsi Maklumat Asas Bakal Pesara dibangunkan untuk urusan penghantaran maklumat asas bakal pesara oleh agensi ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA bagi membolehkan pelepasan caruman kerajaan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) diproses. Maklumat ini hendaklah dihantar sebelum urusan persaraan kerana mencapai umur 55, 56 atau 58 tahun dilaksanakan. Subfungsi yang terdapat di dalam fungsi Maklumat Asas Bakal Pesara adalah seperti di **Jadual I**.

Jadual I: Fungsi Maklumat Asas Bakal Pesara

BIL	SUBFUNGSI	KETERANGAN
1.	Penghantaran Maklumat Asas Bakal Pesara	Subfungsi ini membolehkan Pentadbir Penamatan Perkhidmatan mengemas kini maklumat asas bakal pesara dan memajukan ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA.

Fungsi Percantuman Perkhidmatan Lepas

11. Fungsi Percantuman Perkhidmatan Lepas dibangunkan untuk urusan permohonan percantuman perkhidmatan lepas bagi Pemilik Kompetensi yang pernah berkhidmat dalam Angkatan Tentera dan ingin mengagregatkan tempoh tersebut dengan perkhidmatannya sekarang bagi tujuan pengiraan faedah persaraan atau faedah terbitan di bawah undang-undang pencen. Seseorang anggota yang telah bersara dari Angkatan Tentera dengan mendapat pencen perkhidmatan tidak layak memohon. Senarai subfungsi yang terdapat di dalam fungsi Percantuman Perkhidmatan Lepas adalah seperti di **Jadual II**.

Jadual II: Fungsi Percantuman Perkhidmatan Lepas

BIL	SUBFUNGSI	KETERANGAN
1.	Memohon / Mengemaskini Percantuman Perkhidmatan Lepas	Kemudahan kepada Pemilik Kompetensi untuk memohon atau mengemas kini permohonan percantuman perkhidmatan lepas.
2.	Memperaku Permohonan Percantuman Perkhidmatan Lepas	Fungsi ini membolehkan Pengesah Penamatan Perkhidmatan memperakukan permohonan Pemilik Kompetensi.
3.	Menghantar Permohonan Percantuman Perkhidmatan Lepas	Fungsi ini membolehkan Pentadbir Penamatan Perkhidmatan menyemak permohonan Pemilik Kompetensi dan menghantar ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA secara elektronik.
4.	Memapar Status Permohonan	Kemudahan kepada Pemilik Kompetensi untuk memapar status permohonan yang telah dibuat.

Fungsi Penamatan Perkhidmatan Sukarela

11. Fungsi ini dibangunkan bagi kemudahan urusan permohonan persaraan pilihan oleh Pemilik Kompetensi. Urusan ini juga menyediakan proses kelulusan persaraan pilihan anggota berpencen Perkhidmatan Awam Negeri oleh Pihak Berkuasa Negeri. Senarai subfungsi yang terdapat di dalam fungsi Penamatan perkhidmatan Sukarela adalah seperti di **Jadual III**.

Jadual III: Fungsi Penamatan Perkhidmatan Sukarela

BIL	SUBFUNGSI	KETERANGAN
1.	Memohon Penamatan Perkhidmatan Sukarela	Kemudahan kepada Pemilik Kompetensi mengemukakan permohonan penamatan perkhidmatan sukarela.
2.	Mengesahkan Penamatan Perkhidmatan	Fungsi ini membolehkan Pengesah Penamatan Perkhidmatan memapar, memperakukan dan mengesahkan permohonan yang diterima.
3.	Merekodkan Pelepasan Ikatan	Membolehkan Pentadbir Ikatan merekodkan status ikatan kontrak pembiayaan pengajian (perlu bayaran / tidak dan jumlah), dan seterusnya memajukan permohonan kepada pihak berperaku Penamatan perkhidmatan untuk perakuan.
4.	Memperakukan Penamatan Perkhidmatan Sukarela	Kemudahan bagi Pihak Memperaku Penamatan perkhidmatan membuat perakuan penamatan perkhidmatan sukarela.
5.	Meluluskan Penamatan Perkhidmatan Dan Memaklumkan Keputusan	Fungsi ini membolehkan Pihak Melulus Penamatan Perkhidmatan meluluskan Penamatan perkhidmatan dan memaklumkan kepada Pentadbir Penamatan Perkhidmatan dan Pemilik Kompetensi untuk proses seterusnya.

Fungsi Penamatan Perkhidmatan Paksa

12. Fungsi ini membolehkan urusan persaraan kerana mencapai umur 55,56 atau 58 tahun dibuat dengan lebih efisien dan efektif. Fungsi ini menyediakan kemudahan kepada Pengurus Sumber Manusia mengeluarkan senarai anggota berpencen yang akan bersara dalam jangka masa tertentu dan memberitahu bakal pesara mengenai persaraan mereka. Senarai subfungsi yang terdapat di dalam fungsi Penamatan Perkhidmatan Paksa adalah seperti di **Jadual IV**.

Jadual IV: Fungsi Penamatan Perkhidmatan Paksa

BIL	SUBFUNGSI	KETERANGAN
1.	Penapisan Penamatan Perkhidmatan	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan boleh mengenal pasti Pemilik Kompetensi yang menepati syarat penamatan perkhidmatan paksa.
2.	Memberitahu Penamatan Perkhidmatan	Membolehkan Pengesah Penamatan Perkhidmatan memaklumkan kepada Pemilik Kompetensi yang menepati syarat untuk penamatan perkhidmatan paksa.
3.	Mengesahkan Maklumat dan Memapar Senarai Persaraan Paksa	Kemudahan untuk Pengesah Penamatan Perkhidmatan mengesahkan maklumat dan memapar senarai persaraan paksa.
4.	Memapar Notis Penamatan Perkhidmatan	Fungsi ini membolehkan Pemilik Kompetensi melihat notis penamatan perkhidmatan paksa.
5.	Kelulusan Penamatan Perkhidmatan	Kemudahan kepada Pihak Melulus Penamatan Perkhidmatan untuk meluluskan penamatan perkhidmatan Pemilik Kompetensi.

Fungsi Kematian Dalam Perkhidmatan

13. Fungsi ini menyediakan kemudahan urusan merekodkan maklumat kematian bagi Pemilik Kompetensi yang meninggal dunia dalam perkhidmatan seperti tarikh kematian, nombor sijil kematian dan sebab kematian untuk membolehkan proses seterusnya dapat dilaksanakan. Senarai subfungsi yang terdapat di dalam fungsi Kematian Dalam Perkhidmatan adalah seperti di **Jadual V**.

Jadual V: Fungsi Kematian Dalam Perkhidmatan

BIL	SUBFUNGSI	KETERANGAN
1.	Merekodkan Maklumat Kematian	Kemudahan kepada Pentadbir Penamatan Perkhidmatan melaksanakan proses penamatan perkhidmatan bagi Pemilik Kompetensi yang mati dalam perkhidmatan.

BIL	SUBFUNGSI	KETERANGAN
2.	Memapar dan Mengesahkan Maklumat Kematian	Subfungsi ini membolehkan Pengesah Penamatan Perkhidmatan memapar dan mengesah maklumat kematian.

Fungsi Melaksanakan Penamatan Perkhidmatan

14. Terdapat lima (5) urusan di bawah fungsi ini iaitu paparan faedah dan pengemaskinian maklumat, penghantaran Nota Serah Tugas, pengesahan sumber logistik, penyediaan Surat Akuan dan pemilihan temu duga penamatan perkhidmatan. Urusan paparan faedah dan pengemaskinian maklumat adalah proses mengemaskini dan menghantar maklumat persaraan serta kematian ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA melalui integrasi di antara HRMIS dan sistem POWER. Senarai subfungsi yang terdapat di dalam fungsi ini adalah seperti di **Jadual VII**.

Jadual VII: Fungsi Melaksanakan Penamatan Perkhidmatan

BIL	SUBFUNGSI	KETERANGAN
1.	Paparan Faedah Dan Pengemaskinian Maklumat	Subfungsi ini membolehkan Pemilik Kompetensi/Pentadbir Penamatan Perkhidmatan melihat faedah penamatan perkhidmatan dan mengemaskini maklumat alamat dan akaun bank.
2.	Pengesahan Maklumat Persaraan	Membolehkan Pengesah Penamatan Perkhidmatan membuat pengesahan maklumat persaraan.
3.	Maklumat Persaraan	Membolehkan Pentadbir Penamatan Perkhidmatan mengemaskini maklumat Pemilik Kompetensi yang perlu dihantar ke Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP) dan integrasi ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA.

BIL	SUBFUNGSI	KETERANGAN
4.	Pengesahan Sumber Logistik	Subfungsi bagi Penyelia mengesahkan sumber-sumber logistik yang dikembalikan oleh Pemilik Kompetensi.
5.	Melengkapkan atau Menghantar Semula Nota Serah Tugas	Pemilik Kompetensi boleh menyediakan nota serah tugas melalui kemudahan ini atau Penyelia boleh menghantar semula nota serah tugas.
6.	Merekod dan Memapar Nota Serah Tugas	Subfungsi ini membolehkan Penyelia mengesahkan nota serah tugas yang disediakan Pemilik Kompetensi.
7.	Memapar Maklumat Nota Serah Tugas dan Sumber-Sumber Logistik	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan boleh melihat paparan maklumat nota serah tugas dan sumber logistik yang telah diserahkan serta diperakui.
8.	Menyediakan Surat Akuan	Kemudahan kepada Pentadbir Penamatan Perkhidmatan untuk menyediakan surat akuan dan penghargaan.
9.	Merekodkan Maklumat dan Penjadualan Temu Duga Penamatan	Subfungsi ini membolehkan Pemilik Kompetensi, Pentadbir Penamatan Perkhidmatan dan Penemu Duga menjadualkan temu duga dan mengisi borang soal selidik penamatan secara atas talian.
10.	Memapar Status / Kelulusan Amaun dari Bahagian Pasca Perkhidmatan	Subfungsi ini membolehkan Pemilik Kompetensi dan Pentadbir Penamatan Perkhidmatan memaparkan maklumat faedah persaraan yang akan diterima.

Kemudahan Lain Dalam Modul Penamatan Perkhidmatan

15. Kemudahan ini merupakan tambahan kepada tujuh (7) fungsi untuk melengkapkan proses pentadbiran di agensi. Senarai kemudahan adalah seperti di **Jadual VIII**.

Jadual VIII: Kemudahan Lain

BIL	KEMUDAHAN	KETERANGAN
1.	Laporan	Kemudahan ini membolehkan Pentadbir Penamatan Perkhidmatan menjana laporan Penamatan perkhidmatan.
2.	Borang Pencen	Kemudahan kepada Pentadbir Penamatan Perkhidmatan untuk mencetak borang pencen yang dikehendaki.
3.	Selenggara Maklumat Penamatan perkhidmatan Pemilik Kompetensi	Kemudahan kepada Pentadbir Penamatan Perkhidmatan menyelenggara maklumat Penamatan perkhidmatan Pemilik Kompetensi bagi fungsi Penamatan Perkhidmatan Paksa, Penamatan Perkhidmatan Sukarela dan Kematian Dalam Perkhidmatan.

PERANAN PENGGUNA DALAM MODUL PENAMATAN PERKHIDMATAN

16. Peranan pengguna dalam modul ini mengikut fungsi adalah seperti di **Jadual IX**.

Jadual IX: Peranan Pengguna Dalam Modul Penamatan perkhidmatan

BIL	PENGGUNA	AKTIVITI
MAKLUMAT ASAS BAKAL PESARA		
1.	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan (<i>Separation Administrator</i>)	<input type="checkbox"/> Menghantar maklumat asas bakal pesara.
PERCANTUMAN PERKHIDMATAN LEPAS		
2.	Pemilik Kompetensi (<i>Competency Owner</i>)	<input type="checkbox"/> Memohon percantuman perkhidmatan lepas. <input type="checkbox"/> Memapar status permohonan.
3.	Ketua Jabatan / Pengesah Penamatan Perkhidmatan (<i>Separation Endorser</i>)	<input type="checkbox"/> Memperaku permohonan percantuman perkhidmatan lepas.

BIL	PENGGUNA	AKTIVITI
4.	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan (<i>Separation Administrator</i>)	<input type="checkbox"/> Menyemak maklumat permohonan. <input type="checkbox"/> Menghantar permohonan secara elektronik ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA.
PENAMATAN PERKHIDMATAN SUKARELA		
5.	Pemilik Kompetensi (<i>Competency Owner</i>)	<input type="checkbox"/> Memohon penamatan perkhidmatan sukarela.
6.	Pihak Melulus Penamatan Perkhidmatan (<i>Approval Authority</i>)	<input type="checkbox"/> Meluluskan/tidak meluluskan penamatan perkhidmatan sukarela. <input type="checkbox"/> Memaklumkan keputusan penamatan perkhidmatan.
7.	Pihak Memperaku Penamatan perkhidmatan (<i>Separation Approval</i>)	<input type="checkbox"/> Memperakukan penamatan perkhidmatan sukarela.
8.	Pentadbir Ikatan (<i>Obligation Administrator</i>)	<input type="checkbox"/> Merekodkan pelepasan ikatan kontrak biasiswa atau pinjaman pelajaran dan memajukan permohonan untuk kelulusan.
9.	Pengesah Penamatan Perkhidmatan (<i>Separation Endorser</i>)	<input type="checkbox"/> Memapar dan mengesah penamatan perkhidmatan sukarela.
PENAMATAN PERKHIDMATAN PAKSA		
10.	Pemilik Kompetensi (<i>Competency Owner</i>)	<input type="checkbox"/> Melihat paparan makluman penamatan perkhidmatan paksa.
11.	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan (<i>Separation Administrator</i>)	<input type="checkbox"/> Melakukan penapisan untuk mendapatkan senarai pegawai yang akan menamatkan perkhidmatan paksa.
12.	Pengesah Penamatan Perkhidmatan (<i>Separation Endorser</i>)	<input type="checkbox"/> Mengesahkan maklumat dan memaparkan senarai persaraan paksa.
13.	Pihak Melulus Penamatan Perkhidmatan (<i>Approval Authority</i>)	<input type="checkbox"/> Meluluskan penamatan perkhidmatan paksa.


BIL	PENGGUNA	AKTIVITI
MELAKSANAKAN PENAMATAN PERKHIDMATAN		
14.	Pemilik Kompetensi (<i>Competency Owner</i>)	<input type="checkbox"/> Memaparkan faedah penamatan perkhidmatan dan mengesahkan maklumat pegawai. <input type="checkbox"/> Melengkapkan dan menghantar nota serah tugas. <input type="checkbox"/> Merekodkan maklumat dan menjadualkan temu duga Penamatan perkhidmatan. <input type="checkbox"/> Menjawab soal-selidik. <input type="checkbox"/> Memapar faedah persaraan.
15.	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan (<i>Separation Administrator</i>)	<input type="checkbox"/> Menyediakan notis ke LHDN dan Bahagian Pinjaman Perumahan. <input type="checkbox"/> Menyediakan dan menghantar maklumat pegawai ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA. <input type="checkbox"/> Menyediakan surat akuan. <input type="checkbox"/> Merekodkan maklumat dan penjadualan temu duga penamatan. <input type="checkbox"/> Memapar faedah persaraan atau faedah terbitan. <input type="checkbox"/> Memapar maklumat nota serah tugas dan logistik. <input type="checkbox"/> Memastikan borang pencen lengkap dan kemas kini.
16.	Penemu Duga Penamatan perkhidmatan (<i>Exit Interviewer</i>)	<input type="checkbox"/> Merekod maklumat dan menjadualkan temu duga penamatan.
17.	Penyelia (<i>Line Manager</i>)	<input type="checkbox"/> Mengesah sumber logistik. <input type="checkbox"/> Menghantar semula nota serah tugas (Kematian Pemilik Kompetensi). <input type="checkbox"/> Mengesah nota serah tugas.
18.	Pengesah Penamatan Perkhidmatan (<i>Separation Endorser</i>)	<input type="checkbox"/> Mengesah maklumat persaraan.
KEMATIAN DALAM PERKHIDMATAN		
19.	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan (<i>Separation Administrator</i>)	<input type="checkbox"/> Merekod maklumat kematian Pemilik Kompetensi.

BIL	PENGGUNA	AKTIVITI
20.	Pengesah Penamatan Perkhidmatan (<i>Separation Endorser</i>)	<input type="checkbox"/> Memapar dan mengesah maklumat kematian.
LAPORAN		
21.	Pentadbir Penamatan Perkhidmatan (<i>Separation Administrator</i>)	<input type="checkbox"/> Menjana laporan Penamatan perkhidmatan. <input type="checkbox"/> Menjana laporan pemilihan kaedah soalan temu duga.
SELENGGARA JADUAL RUJUKAN DAN ALIRAN KERJA		
22.	Pentadbir Sistem (<i>System Administrator</i>)	<input type="checkbox"/> Memastikan jadual rujukan sentiasa kemas kini.
23.	Pentadbir Aliran Kerja (<i>Workflow Administrator</i>)	<input type="checkbox"/> Memastikan aliran kerja sentiasa kemas kini.


ALIRAN PROSES MODUL PENAMATAN PERKHIDMATAN

Aliran Proses Penamatan Perkhidmatan Secara Umum


17. Aliran proses bagi penamatan perkhidmatan boleh bermula pada mana-mana fungsi yang disediakan kecuali fungsi Melaksanakan Penamatan Perkhidmatan. Fungsi Melaksanakan Penamatan Perkhidmatan ini dilaksanakan selepas fungsi Penamatan Perkhidmatan Sukarela, Penamatan Perkhidmatan Paksa dan Kematian Dalam Perkhidmatan. Secara umumnya perkaitan di antara fungsi-fungsi utama di dalam Modul Penamatan Perkhidmatan adalah seperti di **Rajah II**.

Rajah II: Aliran Proses Penamatan Perkhidmatan Secara Umum**Aliran Proses Urusan Penghantaran Maklumat Asas Bakal Pesara**

18. Aliran proses urusan penghantaran maklumat asas bakal pesara adalah bermula apabila Pentadbir Penamatan Perkhidmatan menyemak senarai bakal pesara dan menghantar maklumat tersebut ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA. Aliran proses urusan penghantaran maklumat asas bakal pesara adalah seperti di **Rajah III**.


Rajah III: Aliran Proses Urusan Penghantaran Maklumat Asas Bakal Pesara**Aliran Proses Urusan Permohonan Percantuman Perkhidmatan Lepas**

19. Proses urusan permohonan percantuman perkhidmatan lepas bermula apabila Pemilik Kompetensi yang pernah berkhidmat dengan Angkatan Tentera memohon untuk mengagregatkan tempoh perkhidmatannya dahulu. Aliran proses urusan permohonan percantuman perkhidmatan lepas adalah seperti di **Rajah IV**.

Rajah IV: Aliran Proses Urusan Permohonan Percantuman Perkhidmatan Lepas**Aliran Proses Urusan Permohonan Persaraan Pilihan**

20. Urusan permohonan persaraan pilihan bermula apabila Pemilik Kompetensi memohon untuk bersara pilihan secara dalam talian melalui HRMIS. Aliran proses urusan permohonan persaraan pilihan adalah seperti di **Rajah V**.

Rajah V: Aliran Proses Urusan Permohonan Persaraan Pilihan




Aliran Proses Urusan Persaraan Kerana Mencapai Umur 55/56/58 Tahun

21. Aliran proses bagi urusan persaraan kerana mencapai umur 55, 56 atau 58 tahun bermula apabila Pengurus Sumber Manusia (Pentadbir Penamatan Perkhidmatan) membuat tapisan umur untuk Pemilik Kompetensi yang telah mencapai umur persaraan.

Aliran proses urusan persaraan kerana mencapai umur 55, 56 atau 58 tahun seperti di **Rajah VI**.


Rajah VI: Aliran Proses Urusan Persaraan Kerana Mencapai Umur 55/56/58 Tahun



Aliran Proses Urusan Merekodkan Maklumat Kematian

